

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**  
**DARIPADA : Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud**  
**[ Kota Raja ]**  
**TARIKH : 20 Oktober 2016 (Khamis)**  
**SOALAN : Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud**  
**[Kota Raja] minta MENTERI**  
**PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS**  
**TANI menyatakan:- sebab-sebab**  
**bekalan dan harga ayam tidak stabil**  
**dan apakah perancangan Kerajaan**  
**untuk memastikan bekalan daging**  
**ayam mencukupi setiap masa pada**  
**harga yang berpatutan.**

**Tuan Yang Dipertua,**

Bekalan daging ayam adalah mencukupi bagi menampung keperluan rakyat Malaysia untuk sepanjang tahun. Pengeluaran ayam pedaging adalah melebihi keperluan negara dengan kadar sara dirinya 105%. Pada masa ini, industri berkeupayaan mengeluarkan dua (2) juta ekor ayam sehari iaitu bersamaan dengan 768 juta ekor setahun.

Pengeluaran ayam pedaging adalah stabil dengan peningkatan yang konsisten pada setiap tahun iaitu pada kadar 4-5% setahun. Ini kerana ayam pedaging yang berada di pasaran telah dirancang pengeluarannya 60 hari lebih awal.

Perancangan yang tepat adalah diperlukan bagi mengelakkan lebihan pengeluaran ayam yang boleh menjaskan harga pasaran dan menjelas keuntungan ladang. Pada masa yang sama bekalan adalah mencukupi untuk keperluan pengguna.

Harga ayam dipengaruhi oleh penawaran dan permintaan serta bergantung kepada kos pengeluaran (bahan mentah makanan, buruh, ubat-ubatan dan utiliti) di mana peningkatan harga mana-mana komponen boleh menyumbang kepada peningkatkan harga ayam.

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM  
[KOTA MELAKA - DAP]**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN (NO. 31)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tentang kerja-kerja persiapan kemudahan-kemudahan keseluruhan termasuk sambungan pengangkutan di antara tapak pertandingan untuk SEA Game yang akan datang :-

- a) senaraikan semua kekurangan yang telah kenapasti dan jadual masa untuk mengatasinya; dan
- b) bagaimanakah dengan kekurangan dan tidak mencapai tahap dunia, peralatan sukan, gelanggang dan kemudahan-kemudahan asas untuk latihan ahli-ahli (peserta-peserta) negara kita. Adakah semuanya telah dibaiki.

**SULIT****JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan menerusi Sekretariat Kuala Lumpur 2017 sedang giat mempersiapkan segala kemudahan yang akan digunakan sebagai venue pertandingan temasya Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 Kuala Lumpur 2017 kecuali Velodrome Berbasikal dan Trek BMX di Nilai yang merupakan pembinaan baru (dirancang sebelum Malaysia dipilih menjadi tuan rumah bagi kedua-dua temasya), kemudahan-kemudahan yang lain hanya melibatkan kerja-kerja pembaikan serta naik taraf termasuk pembangunan Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil dibawah projek penswastaan Sports City.
2. Kementerian akan memastikan kerja-kerja dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan dan pengawasan rapi serta lawatan secara berkala dibuat oleh pegawai-pegawai Kementerian yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan.
3. Daripada segi pengangkutan, semua venue mudah diakses kerana jaringan pengangkutan awam yang sedia ada. Walau bagaimanapun Sekretariat bersama Jawatankuasa Pengangkutan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan akan mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat pengangkutan awam untuk menambah kekerapan perkhidmatan semasa temasya berlangsung.

**SULIT**

4. Terdapat juga kemungkinan untuk menyediakan kemudahan bas ulang-alik (*shuttle bus*) bagi venue-venue yang tidak mempunyai akses melalui pengangkutan awam ataupun venue-venue yang baru seperti di *Malaysia International Trade and Exhibition Centre* (MiTEC).
5. Untuk tujuan latihan atlet-atlet negara, Kementerian sentiasa memastikan segala kemudahan latihan dapat diberikan perhatian sepenuhnya supaya atlet-atlet dapat berlatih dengan sebaik-baiknya tanpa sebarang gangguan. Kerajaan telah menetapkan sasaran supaya kontinjen negara berjaya menjadi juara keseluruhan di temasya Sukan SEA ke-29 kelak. Program ‘Kita Juara’ yang dilaksanakan dibawah Majlis Sukan Negara bertanggungjawab untuk menyediakan atlet-atlet bagi mencapai sasaran ini.
6. Latihan atlet adalah tidak terjejas kecuali bagi latihan yang menggunakan kemudahan sukan di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil yang tidak dapat digunakan buat masa ini disebabkan oleh kerja-kerja naik taraf. Walau bagaimanapun, Majlis Sukan Negara telah menyediakan venue latihan alternatif bagi sukan-sukan yang terlibat dengan kerja naik taraf di Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil seperti sukan akuatik. Ada diantara atlet-atlet dibawah sukan ini yang dihantar berlatih di luar negara.

Sekian, terima kasih.